



KONVENSYEN KECERDASAN BUATAN (AI) MPC 2024

MPC ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) CONVENTION 2024

Memacu Produktiviti Negara

PERNYATAAN MASALAH

Kadar aplikasi kecerdasan buatan (AI) dalam tugas harian di MPC masih rendah. Ramai warga MPC belum memahami sepenuhnya manfaat AI, menyebabkan kurangnya inisiatif untuk meneroka teknologi ini. Ini menjadikan MPC kehilangan peluang untuk meningkatkan kecekapan operasi dan inovasi.

TUJUAN KONVENSYEN AI

1

Menggalakkan penggunaan teknologi AI dalam tugas harian di pejabat.

2

Meningkatkan kesedaran tentang kelebihan dan potensi AI dalam meningkatkan produktiviti serta mempermudah urusan kerja.

OBJEKTIF

Kesedaran

Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan AI dalam persekitaran kerja.

Eksperimentasi

Mendorong warga MPC untuk meneroka dan mengaplikasikan AI dalam tugas kerja harian.

Pengiktirafan

Mengiktiraf dan menghargai kreativiti serta inovasi warga MPC dalam menggunakan AI.

Pembudayaan

Membangunkan budaya kerja yang berasaskan teknologi dan inovatif.

GARIS MASA



CADANGAN KOS

Item	Kos (RM)	Kuantiti	Jumlah (RM)
Hadiah pemenang:			
• Juara	3,000	3	9,000
• Tempat ke-2	2,000	3	6,000
• Tempat ke-3	1,000	3	3,000
Cetakan <i>mock cheque</i>	100	9	900
Makan minum konvensyen (sesi pembentangan)	33	200	6,600
Juri penilai projek	1,300	2	2,600
Jumlah			28,100

JAWATANKUASA

Penaung: En. Zahid Ismail

Penasihat:

1. Dr. Mazrina Mohamed Ibramsah
2. Dr. Mohamad Norjayadi Tamam


Sekretariat:

1. Dr. Nor Aishah Hassan
2. En. Mohd Hisyam Hatimtai
3. En. Noor Mohammad Farhan Nor Azman
4. Pn. Siti Syafiqah Ahmad
5. Cik Azira Mohamed Hodzai
6. Pn. Abigail Anbalakan
7. Cik Nur Ashaffiah Shahrin
8. Cik Nursyuhadah Muhammad Zailani
9. Cik Norashikin Abdul Shukor

FORMAT KONVESYEN

FORMAT & KATEGORI PENYERTAAN

- Setiap kumpulan dikehendaki untuk menunjukkan bagaimana mereka menggunakan AI untuk menyelesaikan tugas harian dengan lebih cekap.
- Setiap kumpulan terdiri daripada 2 orang peserta.
- Pertandingan terbahagi kepada 3 kategori berdasarkan gred jawatan:



KRITERIA PEMILIHAN PEMENANG



Keaslian dan Kreativiti dalam Penggunaan AI

Tahap inovasi dan keunikan dalam cara AI digunakan untuk menyelesaikan masalah atau tugas tertentu. Ini merangkumi kebolehan peserta untuk meneroka pendekatan Baharu.



Keberkesanan Aplikasi AI

Ukuran keberhasilan dan keberkesanan aplikasi AI yang dibangunkan atau digunakan oleh peserta. Ini termasuk keupayaan aplikasi tersebut untuk menyelesaikan masalah atau meningkatkan kecekapan tugas dengan ketara.



Tahap Kesukaran dan Inovasi

Kompleksiti teknikal yang terlibat dalam penggunaan AI dan sejauh mana peserta menunjukkan inovasi dalam mengatasi cabaran yang berkaitan dengan integrasi AI dalam tugas harian.



Kebolehlaksanaan dan Impak Positif terhadap Produktiviti dan Kecekapan Kerja

Tahap kesesuaian dan praktikaliti penggunaan AI dalam konteks kerja sebenar serta impak positif yang dibawa kepada produktiviti, kecekapan, atau kos operasi.

FORMAT PEMARKAHAN

Setiap penyertaan akan dinilai berdasarkan kriteria dengan jumlah markah maksimum sebanyak 100 mata. Pemarkahan akan dilakukan oleh panel juri yang terdiri daripada pengurusan atasan MPC.

Cadangan format pemarkahan

Kriteria	Skor Maksimum
Keaslian dan Kreativiti dalam Penggunaan AI	20
Keberkesanan Aplikasi AI	30
Tahap Kesukaran dan Inovasi	20
Kebolehlaksanaan dan Impak Positif terhadap Produktiviti dan Kecekapan Kerja	30
Jumlah Keseluruhan*	100

*Dalam kes di mana terdapat seri dalam markah keseluruhan, penilaian tambahan akan dibuat berdasarkan impak positif terhadap produktiviti dan kecekapan kerja.

HADIAH

Pemenang bagi **setiap kategori** dan pemenang keseluruhan akan ditentukan berdasarkan **jumlah markah tertinggi**.

Jumlah keseluruhan hadiah bernilai **RM18,000.**

Juara

RM3,000 x 3 kategori

Ke-2

RM2,000 x 3 kategori

Ke-3

RM1,000 x 3 kategori

JURI PENILAI

Juri penilai projek terdiri daripada:

1. En. Zahid Ismail
2. Dr. Mazrina Mohamed Ibramsah
3. Dr. Mohamad Norjayadi Tamam
4. Juri jemputan luar
5. Juri jemputan luar

FORMAT PERSEMBAHAN PROJEK

FORMAT PERSEMBAHAN PROJEK

Persembahan projek perlu merangkumi perkara-perkara berikut:

1) Maklumat kumpulan

- Tajuk projek
- Nama & ahli kumpulan
- Kategori kumpulan

2) Pernyataan masalah

3) Objektif projek

4) Penyelesaian AI

- Pendekatan/teknologi AI yang digunakan
- Cara penyelesaian masalah

5) Proses pelaksanaan

- Langkah-langkah
- Garis masa

6) Keberkesanan & hasil

- Kaedah pengukuran
- Hasil & pencapaian
- Perbandingan sebelum & selepas

7) Kesan jangka panjang

- Impak terhadap tugas harian
- Peluang pengembangan

8) Kesimpulan & penutup